

NO. SOALAN : 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-13 (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 [KHAMIS]**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah inovasi sosial telah meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran Kerajaan.**

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Berhormat, inovasi sosial merupakan satu inisiatif inovasi yang dipelopori oleh agensi-agensi kerajaan dan melibatkan penyertaan masyarakat awam dan komuniti perniagaan. Kesan daripada pelaksanaan inovasi sosial ini memberikan impak secara terus kepada kumpulan sasaran yang berkaitan dan secara tidak langsung meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran Kerajaan.

Salah satu contoh inovasi sosial yang melibatkan rakyat, komuniti perniagaan dan agensi sektor awam adalah inisiatif Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) dengan *tagline* "Data Untuk Kesejahteraan Rakyat" yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). DTSA merupakan satu platform digital yang membolehkan data-data sektor awam yang tepat dan relevan dapat disimpan, diakses serta diguna pakai oleh rakyat, komuniti perniagaan dan agensi sektor awam melalui portal [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my). Sehingga 6 November 2017, sebanyak 2419 set data telah berjaya diterbitkan untuk kegunaan pelbagai pihak yang berkenaan.

Sebelum wujudnya DTSA, data kerajaan disimpan secara berasingan di kementerian/ jabatan masing-masing. Keadaan tersebut menyukarkan rakyat, komuniti perniagaan dan agensi sektor awam untuk mendapatkan data bagi urusan yang berkaitan kerana perlu melalui proses dan masa yang panjang. Portal DTSA telah membolehkan data terbuka kerajaan diakses secara berpusat daripada sumber yang rasmi, data yang diperolehi adalah berkualiti dan dapat meningkatkan integriti ketelusan penyampaian perkhidmatan awam terhadap maklumat Kerajaan. Di samping itu, inisiatif DTSA secara tidak langsung membantu merangsang peningkatan dan pemeraksanaan produktiviti ekonomi digital negara selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri dalam merealisasikan negara Malaysia sebagai *World's First Digital Free Trade Zone*.

Contoh lain bagi penciptaan inovasi sosial ialah Sistem iDengue Untuk Komuniti yang dibangunkan oleh secara kolaborasi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM). Sistem iDengue Untuk Komuniti telah dilancarkan pada tahun 2013 dan merupakan satu platform untuk menyebarkan maklumat denggi terkini di Malaysia kepada orang awam di <http://idengue.remotesensing.gov.my>. Melalui sistem ini, orang awam boleh memberi input dalam bentuk maklumat, maklum balas dan mengemukakan aduan berkaitan kes denggi di tempat kejadian. Di samping itu, maklumat penting seperti status bilangan kes denggi harian mengikut negeri, jumlah kes terkini mengikut negeri dan daerah, senarai kawasan dalam kluster wabak, senarai kawasan *hotspot*, peta kluster denggi dan hebahan maklumat terkini aktiviti yang dijalankan oleh pihak KKM untuk makluman orang awam boleh diperolehi secara *real time* melalui Sistem iDengue.

Selain itu, keunikan sistem ini adalah pengwujudan Unit *Communication for Behaviourial Impact* (COMBI) yang berperanan menggerakkan pelbagai sektor komuniti untuk menangani isu denggi dalam komuniti, mewujudkan tanggungjawab bersama dalam komuniti dan mempengaruhi serta mengukuhkan keputusan/ tingkah laku/ norma sosial dalam komuniti. Unit COMBI ditubuhkan di bawah KKM bagi menggalakkan penyertaan orang awam khasnya komuniti setempat dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku di kalangan individu, keluarga dan komuniti ke arah kesejahteraan hidup. Sehingga kini, sebanyak 387 unit COMBI telah ditubuhkan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [ KUCHING ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 42**

Tuan Chong Chieng Jen [ KUCHING ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apa langkah yang akan diambil oleh pihak penguatkuasa terhadap kenderaan Indonesia yang sedang berleluasa digunakan oleh pemandu Indonesia untuk menjalankan perniagaan membawa penumpang di Kuching yang telah menjejaskan rezeki pemandu teksi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan melalui JPJ sentiasa menjalankan operasi bagi mengesan aktiviti kereta sapu atau teksi sapu di kawasan sempadan dari aspek pelanggaran syarat permit pengedaran antarabangsa (ICP) oleh mana-mana pemilik dan pemandu kenderaan asing. Selain itu, JPJ juga melaksanakan operasi secara bersepadu dari semasa ke semasa bersama-sama dengan pihak PDRM dan LPKP. Bagi setiap kesalahan iaitu tidak memiliki atau menyalahgunakan ICP dan tidak memiliki perlindungan insurans masing-masing akan dikenakan kompaun sebanyak RM300.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**TARIKH** : 9 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]  
**DARIPADA** : YB DATO' SRI WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI]

**SOALAN :-**

**YB DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah peruntukan yang diberi untuk setiap negeri dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan ke-11 untuk projek naik taraf dan pembaikan sistem saliran serta longkang sama ada peruntukan tersebut di khabar angin telah berkurangan.**

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM321.18 juta** dengan **3,168** bilangan projek di bawah Program Pembangunan Projek BP.1 dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk projek naik taraf dan pembaikan sistem saliran serta longkang. Dalam tempoh 2 tahun pertama Rancangan Malaysia Ke-11, sebanyak **RM100.1 juta** dengan **616** bilangan projek telah disalurkan ke setiap negeri untuk projek naik taraf dan pembaikan sistem saliran serta longkang di bawah Program Pembangunan Projek BP.1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**SOALAN : 44**

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek landasan berkembar dan elektrifikasi (Electrification and Double Track) untuk jajaran kereta api dari Gemas hingga ke Johor Bahru, dan bilakah Kerajaan akan memperluaskan perkhidmatan sistem kereta api komuter (commuter rail) ke seluruh wilayah Iskandar Malaysia dan Gelang Patah.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kontrak Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru telah dianugerahkan kepada syarikat daripada Negara China iaitu CRCC CREC CCCC Consortium Sdn. Bhd.. Status kemajuan projek terkini adalah seperti berikut:

- i. Proses pengambilan balik tanah dan bayaran pampasan telah selesai sepenuhnya.
- ii. Kerja perobohan setingan masih berjalan.
- iii. Kerja memuktamadkan rekabentuk terperinci sedang giat dilaksanakan.
- iv. Kerja fizikal di tapak dijangka mula pada Disember 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan komuter di Wilayah Iskandar Johor.

Jajaran landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru ini dan kemudahan stesen perhentian yang baru selain direka untuk perkhidmatan tren antarabandar (*intercity*), ianya juga boleh menampung operasi komuter.

Kerajaan juga sedang menaiktaraf dan memodenkan laluan Pasir Gudang – Kempas supaya perkhidmatan komuter dapat diperkenalkan di laluan tersebut pada masa kelak. Buat masa ini, Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA) sedang merangka kesalinghubungan bagi sektor tersebut.